Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pameran ITEX 2019 diadakan bertujuan untuk mempamerkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), teknologi terkini serta memberi pendedahan dan peluang pemasaran terhadap reka bentuk produk dan perkhidmatan. Pameran tersebut juga turut mempamerkan penciptaan dan inovasi terkini daripada pusat pengajian tinggi, institusi penyelidikan, penyelidik persendirian dan juga sektor korporat dari negara Asia dan Eropah. Sebanyak 6 penyertaan produk daripada 6 orang pensyarah/penyelidik UPNM telah menyertai pameran tersebut. **UPNM telah berjaya mencatat sejarah kejayaan yang membanggakan dengan kesemua penyertaan produk penyelidikan UPNM telah memenangi pingat iaitu tiga (3) pingat Emas dan tiga (3) pingat Perak.** Senarai penuh pemenang ialah seperti berikut:

Bil.	Nama Penyelidik	Nama Produk	Fakulti/ Pusat
PINGAT EMAS			
1	Brig Jen Prof. Ir. Dr. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara)	Weldable Bamboocrete Multi-Purpose Panel	Fakulti Kejuruteraan
2	Kapt Prof. Madya Syed Nasir Alsagoff Bin Syed Zakaria (Bersara)	Merdu: Mobile Enhanced Response Data Unit	Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
3	Prof. Dr. Ong Keat Khim	Simple And Portable Nerve Agent Simulant Detection System	Pusat Asasi Pertahanan
PINGAT PERAK			
1	Prof. Dr. Mohar bin Kassim	Developing Physical Fitness Parameters For Reserve Officers Training Unit Cadet (ROTU)	Akademi Kecergasan Pertahanan
2	Prof. Madya Dr. Mohd Afizi bin Mohd Shukran	Graphical Based Access Control Using Digital Image Pixel Value Feature	Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
3	Dr. Syarifah Bahiyah Rahayu bin Syed Mansoor	BEASmart: Smart Library Using Beacon Technology	Pusat Keselamatan Siber

Tahniah diucapkan kepada penyelidik-penyelidik UPNM yang telah berjaya mengharumkan nama UPNM dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta membuktikan bahawa UPNM mampu bersaing dengan Universiti Awam dan Pusat Penyelidikan yang lain di peringkat antarabangsa.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UPNM

Penganjuran program Majlis Berbuka Puasa Bahagian Penyelidikan dan Inovasi bersama Brig Jen Prof. Ir Dr. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPNM telah diadakan di Dewan Pendekar UPNM pada 17 Mei 2019 bersamaan 12 Ramadan 1440H. Program ini melibatkan semua staf Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan semua Pusat Kecemerlangan Penyelidikan iaitu CODRAT, CENTROP, CHEMDEF, HADR, MAREC, Pusat Keselamatan Siber dan Penerbit UPNM.

Tema pakaian semasa majlis ini ialah “Batik dan Pelikat” dan semua staf hadir bersama keluarga masing-masing. YBhg. Brig Jen Prof. Ir Dr. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) juga telah memberikan sumbangan berupa duit raya kepada anak-anak staf semasa program berlangsung.

2ND ADVANCED INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW (IHL) FOR MILITARY LAWYERS

2nd Advanced International Humanitarian Law (IHL) for Military Lawyers merupakan program anjuran bersama International Committee of the Red Cross (ICRC) dan Centre of Military and International Humanitarian Law (CoMIHL) pada 18-20 Jun 2019 bertempat di Pusat Marin, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Kursus ini telah menarik minat 29 orang pegawai undang-undang tentera dari Asia Pasifik (Malaysia, Indonesia, Australia, New Zealand, Myanmar, Laos, Sri Lanka, Thailand, US Indopacom, Bangladesh, Korea, Philipines, Timor Leste).

Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL) bertujuan untuk melindungi maruah manusia dan menghadkan penderitaan semasa peperangan. Peranan penasihat undang-undang tentera adalah penting dalam memberi nasihat kepada para komander tentera semasa perancangan dan pelaksanaan operasi ketenteraan.

Oleh yang demikian meningkatkan kepakaran mereka akan meningkatkan keupayaan untuk operasi ketenteraan dijalankan mengikut undang-undang.

Kursus ini juga memberi peluang untuk para peserta membincangkan perkembangan semasa dalam Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL), membandingkan undang-undang dengan realiti operasi, dan bertemu rakan sejawat dari pelbagai budaya dan latar belakang operasi di rantau Asia Pasifik untuk berkongsi pandangan dan bertukar penyelesaian kepada masalah yang sama. Oleh demikian kursus telah memberi nilai tambah dan impak dalam pelaksanaan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL) ketika latihan, operasi ataupun misi keamanan.

Fasilitator kursus adalah Laksamana Pertama Azhari Abdul Aziz (B) ICRC Kuala Lumpur, Kol Azlan Iskandar Dato' Abdul Ghani dari MPAT dan Air Commodore Dr. William Henry Billboothby (B). Majlis penutup kursus dan penyampaian sijil telah disampaikan oleh Felo Utama Dato' Mohamad Akhtar bin Ahmad Zainudin Pengarah, Pusat Program Akademik - Industri dan Antarabangsa, UPNM

BENKEL PENERBITAN TESIS KE BUKU

Pada 1 – 2 Julai 2019, Penerbit UPNM dengan kerjasama Unit Latihan dan Kompetensi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UPNM telah menganjurkan Bengkel Penerbitan Tesis ke Buku. Bengkel ini telah dijalankan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah disertai oleh 28 orang peserta yang terdiri daripada staf UPNM dan Universiti Awam yang lain. Profesor Madya Dr. Roosfa Hashim, Pengarah Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan pembimbing yang telah dijemput untuk mengendalikan bengkel ini.

LAWATAN KERJA KE MASTER MATERIALS MANUFACTURING SDN. BHD.

Pusat Pentropikalan telah mengadakan lawatan kerja ke Master Materials Manufacturing Sdn. Bhd. pada 2 Julai 2019 yang lalu. Tujuan lawatan ini adalah sebagai salah satu usaha Pusat Pentropikalan untuk mengenal pasti isu-isu bahan konkrit berasaskan polimer yang digunakan oleh syarikat. Semasa kunjungan kerja

ini, seramai tiga orang penyelidik UPNM telah dibawa melawat ke kilang pemprosesan oleh pihak syarikat. Beberapa isu-isu yang telah dikenal pasti ialah pemudaran warna oleh bahan konkrit dan tempoh pemejalan. Beberapa perbincangan di antara CENTROP dan Pusat Asasi Pertahanan bersama syarikat Master Materials Manufacturing Sdn Bhd telah dibuat untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi terutamanya berkaitan dengan produk yang berasaskan simen. Produk ini mengandungi polimer, pewarna dan bahan aditif yang lain yang mungkin disebabkan oleh suhu, kelembaban dan keadaan fizikal yang berubah. Hasil lawatan dan perbincangan, kedua –dua belah pihak setuju untuk meneruskan kerjasama penyelidikan bersama ke atas isu-isu yang dipilih dan mempercepatkan proses pemetraian MoA untuk faedah bersama.

BENKEL PENULISAN UPNM RESEARCH SERIES

Bengkel Penulisan UPNM *Research Series* telah dilaksanakan pada 15 – 16 Julai dengan kerjasama Unit Latihan dan Kompetensi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UPNM di Institut Kepimpinan dan Pembangunan, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel ini bertujuan membantu ahli akademik UPNM untuk menghasilkan penulisan buku siri penyelidikan berdasarkan Laporan Geran Penyelidikan Jangka Pendek yang telah diterima.

BENKEL PENULISAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 2/2019

Penganjuran Bengkel Penulisan Permohonan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 2/2019 telah diadakan pada 29 Julai 2019 bertujuan meningkatkan kualiti kertas cadangan PRGS selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, ianya memberikan pendedahan kepada penyelidik berkenaan penulisan permohonan PRGS Fasa 2/2019 yang lebih menarik minat penilai dengan kehadiran panel penilai geran KPM iaitu Profesor Ir. Dr. Abdul Latif Ahmad dari USM semasa bengkel dilaksanakan. Ianya boleh mengenalpasti aspek kekurangan dan kelemahan proposal sedia ada dari penyelidik serta memurnikan semula proposal berdasarkan ulasan panel penilai geran KPM semasa bengkel dilaksanakan. Di akhir

bengkel ini, pihak penyelidik dimohon untuk menghantar kertas cadangan yang telah dimurnikan ke permohonan PRGS bagi Fasa 2/2019 yang sedang dibuka.

Terdapat beberapa pemohon geran PRGS yang berpotensi hadir ke program ini iaitu:-

1. Prof Madya Kapt Syed Nasir Alsagoff Bin Syed Zakaria (Bersara)
Development Of A Mobile Tactical HCI System Working Prototype For Commercialization Purposes
2. Dr. Nur Aisyah binti Abdul Fataf
Nonlinear and Economical Approach to Determine the Condition for Foreign Exchange Strategy
3. Dr. Norshahriah Binti Abdul Wahab
The Synergy of Mixed Reality (MR) in Revolutionising the Future Combat Visualisation with GEOVISIONARY (GEO-VIS)
4. Lt. Kol. Dr. Vikneswaran A/L Munikanan
Development Of Smart Signage Using Strontium Silicate-Aluminate Oxide Powder For Disaster Relief Centers In Malaysia
5. Prof. Madya Dr. Khisbullah Hudha
Development of A New Semi-Active Suspension System Prototype Using External Controllable Orifice For Passenger Vehicle
6. Lt. Kol. Prof. Madya Mohamed Tarmizi bin Ahmad (Bersara)
Development and Performance of the 5 kN Hybrid Rocket Motor for Sounding Rocket Application
7. Mejar Prof Madya Ir Dr Razali bin Abidin (Bersara)
Prototype Hand Tool Development Of Pure Water Jet For Agriculture Application
8. Mejar. Prof. Madya Dr. Ahmad Azan Bin Ridzuan (Bersara)
Development of the Mobile Emergency Command Centre (MECC)
9. Ir. Dr. Mohd Rosdzimin bin Abdul Rahman
Development Of A High Performance Low NOx Stratified Fuel Injection Liquid Burner
10. Dr. Muhamad Faiz bin Md Din

Prototype of green-based magnetic refrigerator based on magnetocaloric effect system

Bengkel ini telah bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang di Bilik Mesyuarat, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Terdapat 20 orang penyelidik yang hadir terdiri daripada Ketua Penyelidik dan ahli setiap projek. Sesi ini dikendalikan sepenuhnya oleh YBhg. Profesor Ir. Dr. Abdul Latif Ahmad dari Universiti Sains Malaysia, USM sehingga program selesai.

LAWATAN KERJA KE MARKAS WILAYAH LAUT 1, PANGKALAN TLDM TANJUNG GELANG (MAWILLA 1), KUANTAN, PAHANG

Pusat Pentropikalan telah mengadakan lawatan kerja ke Markas Wilayah Laut 1 Pangkalan TLDM pada 31 Julai 2019. Tujuan lawatan ini adalah sebagai salah satu usaha Pusat Pentropikalan (CENTROP) bagi memulakan perbincangan dan mengenal pasti potensi kerjasama penyelidikan yang berkaitan dengan isu-isu pentropikalan di antara UPNM dan MAWILLA 1 khususnya dalam bidang teknologi maritim. Semasa kunjungan kerja ini, seramai sembilan orang penyelidik UPNM telah dibawa melawat bengkel-bengkel, aset-aset maritim iaitu KD Perdana dan KD Pahang. Beberapa isu-isu pentropikalan yang menjadi ancaman kepada operasi peralatan, persenjataan dan infrastruktur yang terdapat di markas tersebut turut dikenalpasti. Di samping itu, lawatan ini memberi peluang kepada pegawai penyelidik CENTROP mendapatkan sampel kajian yang berkaitan dengan pentropikalan untuk dikaji dengan terperinci untuk tujuan penyelidikan. Sambutan yang diberi oleh pihak MAWILLA 1 adalah sangat menggalakkan kerana semua aktiviti diatur sangat berkait dengan objektif lawatan. Diharapkan lawatan ini dan perbincangan yang telah diadakan memberi laluan untuk UPNM dan MAWILLA 1 untuk meneruskan kerjasama menjalankan aktiviti penyelidikan untuk faedah bersama.

BENGGEL PEMURNIAN MANUSKRIP

Bengkel Pemurnian Manuskrip merupakan bengkel susulan kepada Bengkel Penerbitan Tesis ke buku dan disertai oleh peserta yang sama seperti Bengkel Penerbitan Tesis ke Buku. Bengkel ini juga telah dijalankan di Institut Kepimpinan

dan Pembangunan, Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 31 Julai 2019 – 1 Ogos 2019. Bengkel ini membimbing peserta untuk merombak tesis mereka kepada buku dan terus diwasitkan sebagai proses awal sebelum diterbitkan sebagai buku Ilmiah.

ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING (ADMM) PLUS EXPERT WORKING GROUP (EWG) ON HUMANITARIAN ASSISTANCE & DISASTER RELIEF (HADR)

Sebagai susulan dari penyertaan UPNM dalam program ADMM Plus EWG on HADR yang dipengerusikan secara bersama oleh kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat pada tahun 2018, Pusat Penyelidikan HADR telah turut terlibat bagi program ini untuk tahun 2019. Program peringkat serantau ini adalah bertujuan untuk memperkasakan pengurusan bencana dan menambah baik koordinasi sivil – ketenteraan antara negara ASEAN dan jiran-jirannya di rantau Asia Pasifik melalui pembangunan rangka kerja *ASEAN Military Ready Group* (AMRG) dan pemurniannya dengan prosedur operasi sedia ada seperti *Multinational Coordination Centre* (MNCC) dan *Standard Operating Procedure for Regional Standby Arrangements and Coordination of Joint Disaster Relief and Emergency Response Operations* (SASOP). Tahun 2019 juga adalah merupakan tahun terakhir program ini dipengerusikan secara bersama oleh Malaysia dan A.S., sebelum ianya diserahkan kepada India dan Indonesia untuk tahun 2020 hingga tahun 2022.

Aktiviti utama yang dilaksanakan untuk program ini pada tahun 2019 adalah Latih Amal yang melibatkan semua negara anggota ASEAN dan lapan (8) buah negara 'plus' dari rantau Asia Pasifik. Tujuan utama latihan amal tersebut adalah untuk menguji rangka kerja AMRG dan mengenal pasti sebarang kelemahan untuk diperbaiki. Seperti pada latihan amal atas meja pada tahun lepas, Pusat Penyelidikan HADR telah diberi tanggungjawab selaku ahli kumpulan *After Action Review* (AAR) yang bertindak untuk menganalisis maklum balas dari wakil negara-negara yang terlibat, dan mengenal pasti ruang bagi penambahbaikan rangka kerja tersebut. Latihan amal ini telah diadakan di Pusat Simulasi dan Olah Perang Angkatan Tentera Malaysia dari 31 Julai hingga 2 Ogos 2019.

4TH SENIOR MILITARY LAWYERS ROUND TABLE (SMLRT)

4th Senior Military Lawyers Round Table (SMLRT) merupakan program anjuran bersama Centre of Military and International Humanitarian Law (CoMIHL) dan International Committee of the Red Cross (ICRC) pada 7-8 Ogos 2019 di Dorset Hotel Kuala Lumpur. 4TH SMLRT telah dihadiri oleh 12 peserta dari 11 negara di rantau Asia Pasifik. Pada tahun 2016, 1st SMLRT telah diadakan buat kali pertama bagi tujuan membangunkan kepakaran dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) dan membina rangkaian komuniti penasihat undang-undang tentera serantau.

SMLRT berkonsepkan perbincangan meja bulat ini merupakan program rasmi yang diadakan bagi setiap dua tahun dan merupakan satu platform kepada delegasi-delegasi peguam tentera dari setiap negara di Asia Pasifik untuk berbincang dan membentangkan perkembangan semasa, keperluan, permasalahan dan rancangan masa hadapan disamping untuk membina jalinan kerjasama dan sokongan berkaitan IHL.

Perbincangan meja bulat 4TH SMLRT ini dipengerusikan oleh Laksamana Pertama Azhari Abdul Aziz (B), Penyelaras Angkatan Tentera dan Keselamatan, ICRC. Pembentangan pertama telah disampaikan oleh Kol Jamal Rodzi Bin Dahari, Pengarah CoMIHL dengan memperkenalkan CoMIHL, aktiviti tahunan dan “way forward” CoMIHL 2020. Sesi itu kemudian diteruskan oleh pembentangan oleh wakil dari setiap negara mengenai pelaksanaan IHL kepada doktrin, dan organisasi latihan undang-undang tentera di negara masing-masing.

Para delegasi juga turut menyumbang pendapat dan menyuarakan keperluan jenis aktiviti, yang diperlukan bagi setiap negara dalam meningkatkan kefahaman dan kepentingan IHL di rantau ini. SMLRT pada tahun ini juga berjaya mengukuhkan rangkaian yang telah dibangunkan sejak SMLRT 2017 dan mula membina kerjasama dalam program strategik di kalangan peguam tentera di rantau ini untuk meningkatkan kefahaman IHL dan pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa(IHL) oleh peguam tentera.

BENGKEL PENULISAN MAKALAH JURNAL ZULFAQAR

Bengkel Penulisan Makalah Jurnal ZULFAQAR telah diadakan pada 4-5 September 2019 bertempat di Mini Auditorium, Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, UPM. Seramai 20 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar peringkat Sarjana UPM. Bengkel ini bertujuan memberikan pemahaman berkenaan ISI/Scopus dan pemilihan jurnal, pengekstrakan data dari tesis dan teknik penulisan jurnal.

PENYERTAAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA DI PESTA BUKU ANTARABANGSA INDONESIA (IIBF) 2019

Penyertaan Penerbit UPM dalam pesta buku sedunia ini adalah bersama-sama dengan delegasi Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan juga Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). Pesta buku ini turut disertai oleh Penerbit Universiti Awam yang lain. Antara aktiviti yang dijalankan semasa pesta buku tersebut berlangsung adalah Indonesia Right Fair yang merupakan aktiviti jual beli hak cipta antara penerbit antarabangsa. Pesta buku ini berlangsung selama enam (6) hari bermula pada 3 hingga 8 September 2019. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Ketua Delegasi Malaysia dan Jawatankuasa Induk Pesta Buku Antarabangsa Indonesia untuk membawa Penerbit IPT ke program tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa IIBF adalah mengadakan perbincangan dengan penerbit antarabangsa yang berpotensi dan seterusnya dicadangkan untuk menandatangani MOU/MOA penterjemahan dan penjualan hak cipta bersama penerbit luar negara di FRANKFURTER BUCHMESSE 2019 yang diadakan pada 16 hingga 20 Oktober 2019. Lawatan MAPIM ke Politeknik Negeri Media Kreatif - PoliMedia di Jagakarsa, Jakarta Selatan sebagai penanda aras kemudahan penerbitan dan percetakan yang disediakan di Indonesia. PoliMedia merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi vokasional pertama dan satu-satunya di Indonesia yang dirancang secara khusus untuk menyediakan berbagai program pembelajaran yang relevan dengan dunia industri kreatif termasuklah penerbitan dan percetakan.

Duta Besar Malaysia di Indonesia turut mengunjungi IIBF pada 6 September 2019 dan meluangkan masa selama 30 minit di reruai MAPIM. Beliau menzahirkan rasa gembira dan bangga melihat usaha Penerbit UPM berada di IIBF mempromosikan

penerbitan dalam bidang pertahanan dan keselamatan di sana. 14 anggota MAPIM termasuk ITBM dan Dewan Bahasa dan Pustaka berkampung di reruai delegasi Malaysia sepanjang IIBF berlangsung.

PENYERTAAN UPNM DI EKSPLO CIPTAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA (PECIPTA) 2019

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) telah menyertai Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2019. Pameran ini telah diadakan selama 2 hari bermula 22 hingga 23 September 2019 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), Batu Pahat, Johor. PECIPTA 2019 merupakan pameran yang bertujuan untuk mempamerkan dan memperkenalkan produk, penciptaan baru dan inovasi yang berbagai dari institusi pengajian tinggi di Malaysia dan luar negara. Ianya juga bertujuan untuk menjana peluang dan rangkaian kerjasama diantara penyelidik dan perekacipta. UPNM telah menghantar sebanyak 12 produk penyelidikan dari 12 orang pensyarah UPNM. Kejayaan yang paling membanggakan adalah produk yang diwakili oleh UPNM telah Berjaya memenangi pingat iaitu 5 emas, 4 perak dan 2 gangsa. Senarai pemenang-pemenang pingat adalah seperti berikut:

Penerima Anugerah Khas (<i>Special Award</i>)			
Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Tajuk Produk
1.	Kapt Prof. Madya Syed Nasir Alsagoff bin Syed Zakaria (Bersara)	Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan	<i>MERDU: Mobile Enhanced Response Data Unit</i>
PINGAT EMAS			
Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Tajuk Produk
1.	Kapt Prof. Madya Syed Nasir Alsagoff bin Syed Zakaria (Bersara)	Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan	<i>MERDU: Mobile Enhanced Response Data Unit</i>
2.	Dr. Siti Rohaidah binti Ahmad	Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan	<i>Sentiment Analysis for Product Reviews Using TDR Layer Post</i>

3.	Prof. Madya Dr. Wan Norhasniah binti Wan Husin	Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan	<i>Developing A Holistic Ethnic Tolerance Index in Malaysia</i>
4.	En. Ahmad Farid bin Mohd Azmi	Pusat Asasi Pertahanan	<i>Portable Stress Biosensor</i>
5.	Dr. Ahmad Thamrini Fadzlin bin Syed Mohamed	Pusat Bahasa	<i>Threshold Concepts in Military Officers Education</i>

PINGAT PERAK

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Tajuk Produk
1.	Cik Siti Nor Farhanah binti Sh Nor Shahidin	Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan	<i>Shoulder Air Bag</i>
2.	Lt Kol Prof. Madya Mohamed Tarmizi bin Ahmad (Bersara)	Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan	<i>Advance Satellite Tracking System (Starfish SF3100-1)</i>
3.	Mejar Prof. Madya Ir. Dr. Razali bin Abidin (Bersara)	Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan	<i>The Development of 5.5 MM Sniper Rifle Barrel</i>
4.	Prof. Dr. Mohar bin Kassim	Akademi Kecergasan Pertahanan	<i>The Effectiveness of Physical Training Programme 8 Weeks vs 4 Weeks for ROTU</i>

PINGAT GANGSA

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Tajuk Produk
1.	Lt Kol Dr. Inderjit Singh A/L Tara Singh	Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan	<i>Developing A Systematic Framework Assessment Tool and Model for Military Combat Readiness</i>
2.	Prof. Madya Mohd Hazali bin Mohamed Halip	Pusat Keselamatan Siber	<i>INavig: Smart Item Locator and Inventory Management System</i>

PENYERTAAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (PPPI) DALAM PAMERAN SEMPENA LAWATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA (KDYMM) SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (SPBYDPA)

XVI, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) telah diberi tanggungjawab dalam pameran penyelidikan sempena lawatan KeBawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (SPBYDPA) XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 26 September 2019 bertempat di Pusat Maritim, UPM. Sebanyak 9 produk penyelidikan telah dipamerkan antaranya ialah D-CELLS (Defence Cell Culture System), Shoulder Air Bag, BEASmart: Smart Library Using Beacon Technology dan lain-lain lagi.

PESTA BUKU JELAJAH KAMPUS USM KE-3 2019

Penerbit UPM telah menyertai Pesta Buku Jelajah Kampus USM ke-3 2019 anjuran Penerbit USM. Pesta buku ini telah diadakan di tiga kampus USM iaitu di Kampus Induk USM Pulau Pinang dari 1-5 Oktober 2019, Kampus Kejuruteraan USM Nibong Tebal dari 7-9 Oktober 2019 dan di Kampus Kesihatan USM Kelantan dari 13-16 Oktober 2019.

LAWATAN PUSAT PENYELIDIKAN DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN KE SPEKTRUM PUSAT PENYELIDIKAN – BAHAGIAN STAF PERISIKAN PERTAHANAN

Pada 4 Oktober 2019, Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (CODRAT) telah mengadakan lawatan ke Spektrum Pusat Penyelidikan – Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (PP-BSPP) di Kem Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Lawatan ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Brig Jen Prof. Ir. Dr. Norazman bin Mohamad Nor. Pihak PP-BSPP pula diketuai sendiri oleh Pengarah Direktorat Peperangan Informasi, Brig Jen Dato' Basri bin Kasban. Selain itu, lawatan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) dan Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Sesi lawatan ini telah dimulakan dengan taklimat latar belakang dan penyelidikan yang telah dijalankan pihak PP-BSPP. Seterusnya satu sesi perbincangan antara pihak PP-BSPP, CODRAT dan STRIDE telah dijalankan bagi membincangkan halatuju kerjasama penyelidikan antara ketiga-tiga pihak yang boleh diwujudkan pada masa hadapan. Seterusnya pihak PP-BSPP telah membawa kesemua pelawat untuk meninjau kemudahan dan kelengkapan penyelidikan yang terdapat di sana.

Pada sesi penutup, pihak CODRAT, STRIDE dan PP-BSPP bersetuju untuk diadakan satu kerjasama penyelidikan dan pihak CODRAT akan memainkan peranan untuk menggerakkan kerjasama ini.

LAW OF ARMED CONFLICT AT SEA FOR MILITARY LAWYERS

Centre of Military and International Humanitarian Law (CoMIHL) dengan kerjasama *International Committee of the Red Cross (ICRC)* telah menganjurkan kursus serantau *Law of Armed Conflict (LoAC) at Sea for Military Lawyers* pada 8-10 Oktober bertempat di Pusat Marin Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

LoAC at Sea for Military Lawyers 2019 merupakan hasil kesinambungan dari siri pertama yang telah diadakan pada tahun 2017. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman yang menyeluruh dan mendalam berkaitan prinsip-prinsip Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa yang terpakai untuk konflik di Laut dan penekanan diberikan kepada aspek '*Case Study*'. Ia juga bertujuan untuk membina '*regional engagement*' berkaitan isu undang-undang dan konflik maritim serantau.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Lt Kdr Mazura Binti Md Saman (B), Timbalan Pengarah, CoMIHL dan dirasmikan oleh Laksamana Pertama Azhari Abdul Aziz (B), *Armed and Security Forces Coordinator, ICRC*. Dalam ucapan perasmian, Laksamana Azhari menekankan pentingnya kursus-kursus sebegini diadakan bagi meningkatkan kefahaman pegawai dalam aspek undang-undang dalam menangani konflik. Ianya juga berfungsi sebagai langkah '*prevention*' kepada konflik, Kursus ini telah dihadiri oleh 24 orang pegawai undang-undang dan pegawai

peperangan utama dari pelbagai negara serantau antaranya Korea, Bangladesh, Thailand, Myanmar, China, Timor Leste, Philippines, Singapore, Sri Lanka dan negara Tuan Rumah, Malaysia.

Kursus diadakan selama tiga hari ini merangkumi sesi syarahan dan perbincangan secara berkumpulan dan Mr. Kirby Abbott dan Laksamana Pertama Azhari Abdul Aziz (B) bertindak sebagai Fasilitator bagi perbincangan tersebut.

Majlis penutup LoAC at Sea for Military Lawyers 2019 telah disempurnakan oleh YBhg. Lt Jen Dato Hj Abdul Halim bin Hj Jalal, Naib Canselor UPNM. Dalam ucapan penutup kursus, YBhg Naib Canselor berharap kursus lanjutan ini dapat meningkatkan kepakaran dan tahap kecekapan dalam aspek undang-undang berkaitan seterusnya dapat membantu pegawai dan organisasi dalam pelaksanaan tugas. Kursus ini diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta oleh YBhg. Naib Canselor.

PAMERAN HOPE 2019

Dalam meneruskan usaha untuk memupuk kesedaran umum terhadap kesiapsiagaan bencana, isu kemanusiaan, dan bantuan kemanusiaan, Pusat Penyelidikan HADR telah mengadakan pameran HOPE 2019 dari 12 hingga 14 Oktober 2019 di Dewan Jing Si Tzu-Chi, Kuala Lumpur. Bagi tahun ini, Pusat Penyelidikan HADR dan Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) telah disertai oleh Yayasan Tzu Chi Malaysia selaku rakan penganjur utama. Pameran dengan tema tahun ini iaitu "Humanitarian Operations Experience" turut diadakan bersempena dengan Hari Pengurangan Risiko Bencana Antarabangsa (IDDRR) yang jatuh pada 13 Oktober 2019. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Ahmad Shahrizan bin Said selaku wakil Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), manakala Prof. Madya Dr. Azizi bin Miskin telah turut hadir mewakili Naib Canselor UPNM.

Kelainan utama yang diperkenalkan bagi tahun ini berbanding pameran HOPE 2018 adalah penglibatan agensi dan organisasi lain yang terlibat sebagai pempamer, penceramah dan/atau untuk demonstrasi operasi menyelamatkan/tindak balas kecemasan. Agensi dan organisasi ini termasuklah Pasukan Bantuan dan

Penyelamat Khas Malaysia (SMART), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, MERCY Malaysia, Pusat Wilayah Undang-undang Ketenteraan & Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (CoMIHL, UPNM), *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) Malaysia, dan *United Nations Humanitarian Response Depot* (UNHRD) Kuala Lumpur. Selain dari orang awam, pameran ini turut mendapat perhatian pelajar UPNM, pelajar sekolah, dan ahli organisasi bukan kerajaan lain yang mempunyai minat khusus dalam bantuan kemanusiaan dan bencana.

BENKEL PENYELARASAN MODUL KURSUS (CDW) BAGI MALAYSIAN CIVIL MILITARY COORDINATION ON HADR WORKSHOP 2020

Rentetan dari kejayaan penganjuran bengkel koordinasi sivil ketenteraan fasa pertama pada bulan April 2019, satu bengkel penyelarasan modul kursus telah diadakan di Markas SMART, Puchong dari 15 hingga 18 Oktober 2019. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan disokong oleh *Center of Excellence on Disaster Management and Humanitarian Assistance* (CFE-DM) Hawai'i, Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, dan Pusat Penyelidikan HADR mewakili Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Tujuan utama bengkel ini adalah untuk membincangkan maklum balas yang diterima dari para peserta selepas bengkel yang pertama, dan untuk merancang objektif, aktiviti, demografi peserta dan senario latih amal atas meja bagi bengkel lanjutan yang dicadangkan untuk Julai 2020. Hasil dari bengkel ini, Pusat Penyelidikan HADR telah dilantik bagi mengetuai kumpulan *After Action Review* (AAR) yang bertanggungjawab untuk membuat pemerhatian pelaksanaan bengkel, dan mengumpul maklum balas bagi menilai keberkesanan program melalui kajian selidik dan temu ramah bersama peserta bengkel. Tugas ini adalah tambahan selain dari memberi sokongan dalam pengurusan program selaku urusetia dan fasilitator. Libat sama berterusan Pusat Penyelidikan HADR di dalam program ini akan membantu mengukuhkan kedudukan Pusat ini selaku proksi bagi universiti dalam

usaha memperkasakan pengurusan dan kesiapsiagaan bencana negara, dan meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang berkenaan.

PESTA BUKU FRANKFURT 2019

Penerbit UPNM juga turut menyertai Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt atau juga dikenali sebagai FRANKFURTER BUCHMESSE. Pesta Buku terbesar dunia ini diadakan pada bulan Oktober setiap tahun dan pada tahun 2019 ini, pesta ini berlangsung dari 15 sehingga 20 Oktober di Messe, Frankfurt. Pada tahun ini, buat julung kalinya juga Menteri Pendidikan Malaysia dijemput sebagai ahli panel bagi Forum Pendidikan yang berlangsung semasa Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt ini. Penerbit UPNM telah mendapat banyak manfaat dari pesta buku ini. Antara manfaat utama, selain keterlihatan Penerbit UPNM di peringkat dunia ialah, Penerbit UPNM bakal berkolaborasi dengan beberapa syarikat dari pelbagai negara untuk projek penulisan, penerbitan dan penyebaran bahan-bahan ilmiah.

LAWATAN SYARIKAT ALTINAY AEROSPACE AND ADVANCED TECHNOLOGY (TURKI) KE UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (CODRAT) telah menerima kunjungan daripada Syarikat ALTINAY Aerospace and Advanced Technology (ALTINAY) yang berpangkalan di Turki pada 18 Oktober 2019. Syarikat ini memiliki kepakaran dalam bidang teknologi pertahanan khususnya teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV) dan merupakan salah sebuah entiti yang tidak asing dalam di dalam industri pertahanan di Turki.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan jaringan perhubungan antara pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan ALTINAY khususnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Delegasi pelawat telah dibawa untuk bertemu Yang Berbahagia Naib Canselor di Bilik Singgahsana bagi sesi kunjungan hormat. Seterusnya, mereka dibawa ke Bilik Mesyuarat utama Fakulti Kejuruteraan bagi sesi perbincangan lanjut.

Di hujung perbincangan tersebut, pihak CODRAT dan ALTINAY bersetuju untuk memulakan langkah dalam mewujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak melalui perjanjian persefahaman (MoU) yang akan dirancang dalam masa terdekat.

NON-CONVENTIONAL THREAT ASIA 2019

Bagi menyokong dan memangkin aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam bidang Pertahanan Terhadap Agen Senjata Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Bahan Letupan (CBRNe), Pusat Penyelidikan Pertahanan Kimia (CHEMDEF) mengambil inisiatif untuk menjadi rakan penganjur persidangan NCT Asia 2019 bersama CBRNe Society Foundation (CSF) yang beribu pejabat di Netherlands. NCT Asia merupakan siri persidangan tahunan yang telah dilangsungkan sebanyak sebelas kali semenjak 2012 dan pernah dianjurkan secara bersama dengan pihak Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) pada tahun 2015 dan 2016. Persidangan ini mengenengahkan agenda yang berkaitan dengan bidang-bidang CBRNe, pemusnahan ordnans letupan (EOD) dan pelupusan periuk api (demining). Persidangan ini telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 23 Oktober sehingga 25 Oktober bertempat di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur. Satu demonstrasi CBRNe dari 12 Skuadron, ATM turut dijalankan bertempat di UPNM. Persidangan ini telah dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan dan industri serantau sehinggalah ke peringkat Asia Pasifik seperti ATM, PDRM, SEARCCT, Malaysian Nuclear Agency, Malaysia Airport Holding dan ramai lagi. Di samping itu, delegasi dari Korea Selatan turut meluangkan masa untuk mengadakan perbincangan dan melawat makmal penyelidikan CHEMDEF, UPNM.

DETENTION IN SECURITY OPERATION COURSE

Centre of Military and International Humanitarian Law (CoMIHL) telah menganjurkan satu kursus Detention In Security Operation pada 22-24 Oktober 2019 bertempat di Pusat Marin UPNM. Kursus ini telah dihadiri oleh 15 peserta terdiri daripada pegawai tentera, agensi penguatkuasa dan pelajar bagi memahami lebih mendalam tentang tahanan dalam operasi keselamatan.

Kursus ini memberi kefahaman berkenaan tahanan, tahanan perang, piawaian polis, peraturan Mandela, dan cabaran dihadapi oleh pihak penguatkuasa dalam menguruskan tahanan. Peserta kursus juga didedahkan berkenaan mandat International Committee of Red Cross (ICRC) dalam membantu tahanan di medan konflik dan juga operasi keselamatan. Menurut Konvensyen Geneva Keempat orang awam yang ditahan atas sebab-sebab keselamatan mesti diberi perlindungan yang diperuntukkan. Kes kematian dalam tahanan yang menjadi antara isu popular di dalam negara dapat dikongsi oleh pihak SUHAKAM dan PDRM kepada peserta kursus dalam memahami isu tersebut dari perspektif struktur undang-undang.

Fasilitator kursus terdiri daripada Kol Jamal Rodzi Bin Dahari (B), Lt Kdr Mazura Binti Md Saman (CoMIHL) dan Lt Kol Noor Hishmuddian Bin Rahim dari CoMIHL, Supt Tan Yan Thian PDRM, Ms. Annie Veloo dari Penjara Malaysia, Mr. Chandran A/L Muniandy dari Immigresen Malaysia, Ms. Rania Elgindy dan Mr. Devendran dari UNHCR, En. Suhaizad Sulaiman dan Pn. Aisya Abd Rahman dari SUHAKAM. Di akhir kursus ini peserta dapat membezakan jenis-jenis tahanan yang terdapat di Malaysia, proses operasi dalam menguruskan tahanan di pelbagai peringkat dan juga isu-isu terkini yang melibatkan tahanan. Kursus ini diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil oleh Kol Jamal Rodzi Bin Dahari (B), Pengarah CoMIHL.

MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA DAN ADVANCED DEFENCE SYSTEM SDN BHD

Pusat Penyelidikan & Teknologi Pertahanan (CODRAT), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama Advance Defence Systems Sdn Bhd (ADSSB) pada 30 Oktober 2019.

MOA telah ditandatangani oleh YBhg. Lt Jen Dato Hj. Abdul Halim bin Hj. Jalal, Naib Canselor UPM dan Lt. Kol. Shane Chin (Bersara), Pengarah Pembangunan Perniagaan ADSSB sambil disaksikan oleh Mejar Prof. Madya Ir. Dr. Razali bin Abidin (Bersara), Pengarah CODRAT dan Mejar Idris bin Yeop Hamzah (Bersara),

Pengurus Kanan Operasi ADSSB. Turut hadir semasa majlis memeterai memorandum berkenaan adalah pihak pengurusan UPNM.

Untuk makluman, MOA penyelidikan dan pembangunan berkenaan telah ditandatangani untuk projek Rekacipta dan Pembangunan Prototaip Sniper Rifle 12.7mm (Design and Development of 12.7mm Sniper Rifle Prototype) dan melibatkan dana penyelidikan berjumlah RM 208,000.00.

PAMERAN INTERNATIONAL TRADE FAIR IDEAS INVENTIONS NEW PRODUCTS (iENA) 2019

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) julung kalinya telah menyertai pameran di peringkat antarabangsa iaitu *International Trade Fair Ideas Inventions New Products (iENA) 2019* pada 31 Oktober hingga 3 November 2019 bertempat di Nuremberg, Jerman. Sebanyak 3 produk penyelidikan daripada 3 orang penyelidik UPNM telah terpilih untuk menyertai pameran tersebut. iENA 2019 merupakan pameran ciptaan, inovasi dan teknologi di Nuremberg, Jerman. Pameran antarabangsa yang telah diadakan ini dapat memberi ruang dan peluang untuk para pencipta dan pelabur berbincang dan berkongsi pengetahuan serta maklumat mengenai perkembangan terbaru dan kemajuan teknologi dalam meneroka peluang-peluang perniagaan yang baharu. Hasil daripada penyertaan ini, UPNM telah membawa pulang satu anugerah emas, satu anugerah perak dan satu anugerah gangsa. Berikut merupakan senarai penerima anugerah:

PINGAT EMAS			
Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Produk
1.	Lt Kol Prof. Madya Mohamed Tarmizi bin Ahmad (Bersara)	Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (CODRAT)	<i>Advance Satellite Tracking System (Starfish SF3100-1)</i>
PINGAT PERAK			
Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Produk

2.	Dr. Nur Diyana binti Kamarudin	Pusat Keselamatan Siber (PKS)	<i>INavig: Smart Item Locator and Inventory Management System</i>
PINGAT GANGSA			
Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti/ Pusat	Produk
3.	En. Ahmad Farid bin Mohd Azmi	Pusat Asasi Pertahanan (PAP)	<i>Stress-DeT-Portable Stress Biosensor</i>

AKTIVITI PENYELIDIKAN PUSAT PENYELIDIKAN PERTAHANAN KIMIA (CHEMDEF)

Sepanjang tahun 2019, Pusat Penyelidikan Pertahanan Kimia (CHEMDEF) telah menjalankan projek pengubahsuaian ruang makmal dan perolehan peralatan bagi tujuan penyelidikan. Projek ini melibatkan pengubahsuaian bangunan stor kepada tiga ruang iaitu makmal HPLC/ICP-MS, bilik penyediaan dan stor bahan kimia. Pelbagai peralatan baru telah diperoleh seperti pengempar, kebuk wasap, peti sejuk dan sonikator. Di samping itu, peralatan berkeupayaan tinggi turut diperoleh termasuklah *high performance liquid chromatography (HPLC)* yang berfungsi mengesan sebatian dalam cecair dan *inductively coupled plasma mass spectrometry (ICP-MS)* yang berupaya mengesan elemen pada kepekatan yang sangat rendah. Peralatan berteknologi tinggi ini akan membantu penyelidik menjalankan kajian terutamanya dalam bidang pembinaan antidot, pengesanan senjata kimia dan dekontaminasi senjata kimia.